

Kebudayaan Islam

Dasar dan Sendi Pandangan Islam

Al-Qur'ān al-Karīm penuh dengan ajaran-ajaran yang memandu umat Islam yang ingin maju dan ingin berbahagia di dunia ini.

Segala keinginan yang baik dari sesuatu umat akan tercapai dengan menurutkan dasar-dasar ajaran Islam.

Dasar-dasar ini telah dikupas oleh almarhum al-Shaykh Hassan Al-Banna, pimpinan al-Ikhwān al-Muslimīn Mesir, dalam suatu ceramahnya, dan isinya telah disimpulkan oleh Tuan Naziruddin Rahmat seperti berikut:

1. Islam dan Cita-cita

Tiap-tiap umat yang ingin maju, mestilah mempunyai cita-cita. Dan cita-cita itu pun mestilah diusahakan sehingga zahir dalam alam kenyataan. Al-Qur'ān telah memberikan jiwa yang bercita-cita, semangat yang berkobar-kobar, dan cara-cara yang bijaksana.

Selemah-lemah umat Islam akan menjadi kuat iman dan perhatiannya, dan akan berkobar-kobar semangat perjuangannya bila mendengar firman Allah Ta'ālā, yang bermaksud:

“Kami berkehendak mengurniakan nikmat kami kepada mereka yang ditindas di muka bumi, lalu Kami jadikan mereka pemimpin dan menerima pusaka kekuasaan.”
6 – al-Qaṣaṣ

Lebih-lebih lagi setelah mendengar firman Allah Ta'ālā yang bermaksud:

“Jangan kamu merasa lemah dan berdukacita,

kamu ialah orang-orang yang tinggi dan mulia, jika betul-betul kamu beriman. Jika kamu tercedera (di dalam pertempuran) maka mereka (musuh) tercedera juga. Demikianlah hari kemenangan itu, Kami pergilir-gilirkan dia di antara manusia”. 139 – 140, 'Āli 'Imrān.

Dan firmanNya lagi, maksudnya:

“Adakah kamu kira, bahawa kamu akan masuk syurga, dan tiada akan datang ujian kepada kamu seperti yang telah datang kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kemiskinan dan kemelaratan, dan telah gementar kerana ketakutan, sehingga Rasul dan orang-orang Mukmin yang besertanya berkata: “Bilakah tibanya pertolongan Allah?” Ketahuilah, bahawasanya pertolongan sudah hampir akan tiba”. 214 – al-Baqarah.

Demikianlah pokok ajaran Islam tentang melaksanakan sesuatu cita-cita, tidak gentar, tidak putus asa, tidak duka dan bersedih, bahkan tidak pernah menyerah dengan begitu sahaja. Kerana yang sulit-sulitnya diselesaikan dengan penuh iman di dada, tabah dan percaya bahawa pekerjaan itu akan berhasil baik, walaupun terpaksa menempuh beberapa kesukaran.

Dengan Semangat Kebangsaan

Bangsa yang ingin maju mestilah merasa bangga dengan semangat kebangsaannya yang mempunyai sejarah gemilang, yang mesti dipelihara dan dipersuakan sebaik-baiknya,

serta dipertahankan jika ada bangsa lain yang hendak mengganggu kemerdekaannya. Sejarah dan perkembangan bangsanya hendaklah dipupuk dan dipelihara (dan kebudayaannya mestilah dipersuakan dengan ajaran Islam, dan dengan itu akan menjadilah suatu bangsa yang terpuji dan mendapat tempat yang selayaknya dalam persatuan “umat Islam raya” yang telah dipuji oleh Allah di dalam kitab suci al-Qur‘ān al-Karīm) yang maksudnya:

“Adalah kamu sebaik-baik umat yang zahir (membawa contoh-contoh yang baik) di tengah-tengah masyarakat manusia seluruhnya”.

110 - 'Āli 'Imrān.



Sebahagian pelajar-pelajar Melayu dari negeri Selangor yang berada di bawah naungan Bayt Allāh al-Ḥarām – Makkah al-Mukarramah bergambar ramai kerana menyambut Hari Raya Aidilfitri Al-Mubārak. Mereka mengucapkan Selamat Hari Raya kepada kaum keluarga di Selangor khususnya dan kepada rakan-rakan dan sekalian kaum Muslimin di tanah air amnya. Kiriman A.S. (Ikhwan 1151)

dan juga sebagaimana maksud firmannya:

“Dan demikianlah Kami telah menjadikan kamu umat yang adil (dengan ilmu dan amal), supaya kamu menjadi saksi atas (kesalahan) manusia, dan menjadilah pula Muḥammad Rasulullah itu saksi atas kamu” 143, al-Baqarah.

Demikian juga pujian Allah terhadap umat Islam, dijelaskan dengan firman-Nya yang maksudnya:

“Sesungguhnya kemuliaan itu hanya bagi Allah jua dan bagi Rasul-Nya serta bagi orang-orang yang beriman”. 8, al-Munāfiqūn.

Demikianlah perasaan harga diri yang dipunyai oleh seseorang Muslim dan oleh suatu bangsa yang telah memeluk agama Islam.

Mencintai “tanah air” juga disuruh oleh Islam.

Menurut Islam yang disebut “tanah air” itu, yang seyogianya dicintai ialah tanah air Islam, dari yang terbatas sampai kepada yang seluas-luasnya. Islam menyuruh supaya kita berjuang memperbaikinya dan menjaga nilai-nilainya. Menurut ketentuan Islam, tanah air ialah:

1. Mula sekali daerah Islam yang tertentu.
2. Kemudian meliputi seluruh daerah Islam yang lain-lain. Semua daerah-daerah Islam yang lain-lain itu bagi seseorang Muslim ialah negerinya dan tanah airnya.
3. Kemudian meningkat kepada seluruh dunia Islam yang mengibarkan panji-panji Islam dan dikuasai oleh Islam sebagaimana yang diperlihatkan oleh sejarah pada kurun yang kedelapan hingga yang keempat belas Masihi.

4. Kemudian sesudah itu semua tanah air Islam itu meningkat kepada seluruh dunia. Di mana sahaja di atas dunia ini adalah menjadi tanah air bagi seorang Muslim. Ia mesti berjuang untuk kejayaan dan kebahagiaan dunia seluruhnya.

Demikianlah Islam telah menyatukan perasaan kebangsaan yang terbatas dengan perasaan kebangsaan yang am, iaitu untuk kebajikan perikemanusiaan seluruhnya sebagaimana firman Allah Ta‘ālā yang bermaksud:

“Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Kami menjadikan kamu berasal dari lelaki dan perempuan dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu berkenal-kenalan antara satu sama lain. Sesungguhnya orang yang terlebih mulia di antara kamu pada sisi Allah ialah orang yang lebih takwa – patuh – menurut perintahnya. (17, al-Hujurāt).

3. Islam Dengan Ilmu Pengetahuan

Di samping kekuatan negara dan kekuatan tubuh jasmani umat Islam, maka umat Islam tertuntut memperlengkapi tubuhnya yang kuat itu dengan ilmu pengetahuan. Dengan ilmu pengetahuan akan terbukalah kesempatan yang seluas-luasnya untuk menyelidik dan mengemukakan pendapat-pendapat baharu yang berguna bagi perikemanusiaan. Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu pengetahuan. Wajib dengan pengertian: berdosa bila ditinggalkan, bukan dosa kecil tetapi dosa besar, yang akibatnya bila tiada dituruti, kesengsaraan dan kehinaan yang akan menimpa, baik sebagai perseorangan mahupun sebagai masyarakat.

Renungkanlah! Apakah ayat yang mula-mula sekali turun dan diwahyukan kepada Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu alayhi wa ālihi wa sallam*? Tidakkah berisi kewajipan untuk belajar?

Firman Allah, maksudnya:

“Bacalah, wahai Muḥammad, dengan nama Tuhan engkau yang telah menjadikan alam. Dialah yang menjadikan manusia dari segumpal darah yang beku. Bacalah! Tuhan engkau yang amat Pemurah. Yang mengajarkan menulis dengan qalam (pena). Dialah yang mengajarkan manusia apa-apa yang tiada diketahuinya.” (1-5, surah al-‘Alaq).

Bukalah lembaran sejarah hidup Nabī Muḥammad, akan didapati bagaimana penghargaan Islam terhadap ilmu pengetahuan dan usaha melenyapkan buta huruf. Tawanan orang-orang musyrik pada masa perang Badar (yang tak dapat menebus dirinya dengan harta benda), telah diberitahu bahawa mereka dapat menebus diri dan dibebaskan setelah tiap-tiap seorang daripada mereka dapat mengajar sepuluh orang anak-anak orang Islam membaca dan menulis.

Allah *subḥānahu wa ta‘ālā* tidak akan menyamakan sahaja di antara orang yang berpengetahuan dengan orang yang bodoh. Maha suci Allah yang berfirman (maksudnya):

“Adakah sama orang yang berilmu pengetahuan dengan orang-orang yang tidak berilmu pengetahuan? Tentu tidak! Hanya yang dapat menerima pengajaran ialah orang-orang yang berakal jua.” (9, al-Zumar).

Islam tiada membezakan nilai “dakwat” (tinta) seorang yang pandai dengan “darah” seorang syahid. Nilai pengetahuan dan kekuatan dalam Islam sama harganya, dan keduanya dikehendaki. Perhatikanlah satu ayat ini yang bermaksud:

“Tiada sepatutnya orang yang beriman pergi semuanya ke medan perang. Mengapakah tiada pergi sebahagian di antara tiap-tiap satu golongan, supaya mempelajari dan memperdalam

ilmu agama. Apabila ia kembali boleh memberi peringatan kepada kaumnya. Mudah-mudahan mereka takut (daripada melanggar perkara yang diperingatkan itu). 122, al-Tawbah.

Tuhan tiada membezakan nilai antara ilmu dunia dengan ilmu akhirat. Kedua-duanya mestilah dipunyai dan dipelihara serta dipelajari. Pengetahuan-pengetahuan alam semesta wajib dipelajari, sebab yang demikian itu menambah dan memperkuat iman dan menjadi dalil untuk mengenal kekuasaan Allah ‘*azza wa jalla* dan menyebabkan takut kepada-Nya. Firman Allah Ta‘ālā (maksudnya):

“Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu bumi menjadi hijau oleh tanaman-tanaman?” (63, surah al-Hajj).

Ini ialah satu isyarat yang menegaskan supaya umat Islam mempelajari ilmu falak dan lain-lain ilmu yang mengenai angkasa lepas serta pertaliannya dengan bumi.

Firman-Nya lagi (maksudnya)

“Lalu dikeluarkan-Nya buah-buahan yang bermacam-macam warnanya.” (27, Fāṭir).

Ini pun suatu isyarat supaya umat Islam mempelajari ilmu tumbuh-tumbuhan dan pertaliannya dengan ilmu kimia dan sebagainya.

Diterangkan pula dalam firman-Nya yang lain (maksudnya):

“Di antara gunung-gunung itu ada yang mempunyai jalan-jalan yang putih (terang) dan merah (kurang terang), bermacam-macam pula warnanya, dan ada pula yang mempunyai batu-batu yang amat hitam”. (27, Fāṭir).

Ini memberi gambaran bagaimana pentingnya dipelajari ilmu bumi dan segala yang bersangkutan dengannya. Kalau

diteruskan lagi lanjutan ayat ini maka dengar pula

firman Allah Ta'ālā (maksudnya):

“Begitu pula di antara manusia, binatang-binatang dan lain-lainnya, bermacam-macam pula warnanya...” (28, Fāṭir).

Ini memberi isyarat tentang ilmu hayat, ilmu tubuh manusia, ilmu haiwan dan sebagainya. Islam sentiasa

menarik perhatian pemeluknya supaya menyelidik rahsia alam.

Ayat-ayat yang tersebut di atas ditutup dengan firman Allah Ta'ālā

(maksudnya):

“Hanyalah yang takut (patuh) kepada Allah ialah orang-orang yang berpengetahuan di antara hamba-hamba-Nya. (sambungan ayat 28, Fāṭir).

Alangkah besar dan tinggi nilai pertunjuk-pertunjuk ayat-ayat yang tersebut tadi yang akhirnya dibawanya kita kepada mengabdikan kepada Allah yang Maha Besar yang mencipta seluruh alam.

4. Islam Dengan Budi Pekerti

Umat yang ingin maju mestilah mempunyai akhlak dan budi pekerti yang baik. Tidak ada suatu umat pun yang dapat kekal dan dapat mempertahankan dirinya dari segala pengaruh luar, kalau ia tidak mempunyai tabiat dan jiwa yang besar. Iman yang kuat, perhatian yang tajam, kemahuan yang bersungguh-sungguh, semangat yang berkobar-kobar, kesabaran menghadapi penderitaan, dan sifat-sifat suka berkorban, hanyalah Islam yang dapat membentuknya dengan sepenuh-penuh kejayaan.

Dengar firman Allah Ta'ālā yang bermaksud:

“Sesungguhnya mendapat kesenangan orang yang membersihkan jiwanya (dengan ilmu dan amal yang baik) dan sesungguhnya telah hampalah yang mengotorkannya (dengan kejahatan dan maksiat)” (9-10, surah Al-Shams).

Ditentukan pula bahawa keadaan suatu bangsa tiada akan berubah kepada yang lebih baik, kalau akhlak dan tabiat buruk itu tiada mereka mengubahnya. Firman-Nya yang bermaksud:

“Di antara orang-orang yang beriman itu ada yang telah menepati setianya kepada Allah yang telah diikrarkan, di antaranya ada yang mati syahid, dan ada pula yang sedang menunggu, dan tiadalah mereka menukar – azam dan perdirian – sedikit jua pun.” (23, al-Aḥzāb).

Dalam soal pengorbanan, kesabaran, sanggup menderita dan dapat mengatasi segala kesulitan dan kesukaran-kesukaran, tidak merasa putus asa untuk menghadapi kepahitan hidup dan sebagainya, dapatlah kita lihat gambarannya, dijelaskan oleh firman Allah Ta'ālā (maksudnya):

“Yang demikian itu ialah mereka itu tiada menderita dahaga, dan penat lelah serta kelaparan pada jalan Allah, dan tiada pula mereka merempuh ke sebarang tempat yang menimbulkan kemarahan kaum kafir, dan tiada juga menerima penangan musuh (seperti dibunuh, ditawan dan dirampas harta benda mereka) melainkan semuanya dituliskan bagi mereka menjadi amal soleh (dan diberi pahalanya). Sesungguhnya Allah tiada sia-siakan pahala orang yang berbuat kebajikan. (Demikian juga) tiada membelanjakan harta mereka, baik perbelanjaan yang kecil atau pun yang besar, dan tiada mereka menempuh tanah lembah (dalam perjalanan ke medan perjuangan untuk membela agama Allah), melainkan semuanya itu dituliskan untuk mereka, supaya Allah membalas mereka dengan balasan yang sebaik-baiknya atas barang yang mereka telah lakukan. (120-121, al-Tawbah).

Demikian pimpinan dan didikan Islam yang mendalam dan meliputi itu.